



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN



# Modul Pentaksiran INTERVENSI **MASYHUR**

PENAJA

Dr. Hayati binti Jaafar  
Pakar Kanak - Kanak  
Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka  
014 - 3157553

**SPM  
2024**



**SEJARAH**

# PENTAKSIRAN INTERVENSI MASYHUR

Edisi 1 : 2021

Edisi 2 : 2022

Edisi 3 : 2023

Edisi 4 : 2024

## **@ Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan bahan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit. Tanggungjawab hak cipta tidak ada kena mengena dengan maklumat yang terkandung di dalam bahan ini.

## **Penerbit:**

**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN**

Jalan Pegawai, 77000 Jasin. Melaka

## **Tajaan Penerbitan :**

**DR. HAYATI BINTI JAAFAR**

Klinik Pakar Kanak – Kanak

Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka

## **Suntingan Grafik oleh:**

Remy Azman bin Abdul Rashid

Siti Zainab binti Mat Nor

Nurul Fareha binti Rosli

Amiza binti Mad Zin

Mohammad Firdhaus bin Abu Bakar

Pegawai Unit Sumber Teknologi Pendidikan

Pejabat Pendidikan Daerah Jasin

## **Dicetak oleh:**

**KHIDMAT JAYA ENT SDN. BHD**

No 24 Jalan Kerambit 5, Bandar Baru Sungai Udang

76300 Melaka

Tel: 012-7215480

Email: [printing@khidmatjaya.com.my](mailto:printing@khidmatjaya.com.my)

## *Mutiara Kata Bingisan Hati*

### **PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Salam Malaysia Madani.

Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

**#ppdjasinBITARA**



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya telah berjaya menerbitkan Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya titipkan kepada Dr. Hayati binti Jaafar, Pakar Kanak-Kanak, Hospital Pantai Ayer Keroh Melaka kerana menabur budi dan bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Dr Hayati memperuntukkan dana dengan menaja Program Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Beliau telah menaja penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur bagi 15 subjek teras dan elektif edisi ke 4. Pentaksiran ini banyak membantu calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia khasnya untuk melaksanakan aktiviti pengayaan dan pengukuhan sebelum menduduki peperiksaan. Penggunaan pentaksiran ini menyumbang kepada peningkatan Gred Purata Daerah saban tahun. Justeru itu, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak terutama barisan penulis yang telah bertungkus lumus menghasilkan pentaksiran lengkap ini. Mudah-mudahan bahan pentaksiran ini akan terus dijadikan rujukan dan refleksi terhadap inisiatif guru untuk melonjakkan kualiti pendidikan di daerah Jasin.

Melalui penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini juga dapat dijadikan bahan untuk mengukuhkan lagi persediaan calon Sijil Pelajaran Malaysia dalam menghadapi peperiksaan. Pentaksiran ini merupakan dokumen yang komprehensif, dinamik dan realistik bagi memantapkan intelektual murid ke arah kecemerlangan yang mampan dan memberi impak tinggi dalam kemenjadian murid dan kecemerlangan sekolah.

Oleh itu, kejayaan dalam menghasilkan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini diiringi dengan niat dan azam yang tinggi, dapat menggalas amanah dan tanggungjawab dalam membentuk modal insan cemerlang di dunia dan di akhirat. Sementelah, diharapkan usaha murni ini dapat diteruskan agar melahirkan generasi masyarakat yang gemilang sesuai dengan agenda pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

*Menjana Pendidikan Ke Aras Kecemerlangan Global*

**MOHD YUSOF BIN SAID B.C.M**

**PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN**

*Mengungkap Tinta Inspirasi Ilmu*

## TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN

Assalamualaikum wbt wrt dan Salam Sejahtera  
Salam Malaysia Madani  
Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik Negara Sejahtera.  
**#ppdjasinBITARA**



Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Taala,

Modul Pentaksiran Intervensi Masyhur telah berjaya diterbitkan dengan jayanya. Kejayaan ini adalah hasil limpah rahmat dan inayah-Nya yang tiada terhingga.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka yang sentiasa menabur budi dan memberikan kerjasama erat dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Penerbitan Modul Pentaksiran Intervensi Masyhur ini tidak mungkin direalisasikan tanpa sokongan dan komitmen jitu daripada pihak penaja yang terlibat.

Modul ini dirancang dengan tujuan yang jelas: untuk memperkasa para pendidik dalam melaksanakan penilaian yang berfokus dan berkualiti, serta mempamerkan pelbagai teknik dan alat pentaksiran yang boleh digunakan. Diharapkan bahan ini menjadi sumber rujukan yang berkesan dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan dan pentaksiran di kalangan pendidik dan murid.

Pentaksiran Intervensi Masyhur bukan sekadar sebuah modul, tetapi merupakan alat penting dalam proses pengukuhan pembelajaran. Penggunaannya yang meluas merangkumi pelbagai mata pelajaran menjadikannya satu keperluan yang kritikal dalam dunia pendidikan. Keistimewaan modul ini terletak pada keseragaman dalam pentaksiran, di mana penulis merujuk kepada analisis data *Continuous Quality Improvement* (CQI@Jasin) sebagai petunjuk prestasi. Keseragaman ini memastikan keadilan dan ketelusan dalam proses pembelajaran, di mana murid dinilai berdasarkan standard yang sama.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Kepada panel penulis yang mencurahkan masa dan tenaga mereka untuk menghasilkan kandungan yang berkualiti, serta jawatankuasa kerja yang tidak mengenal lelah dalam memberikan sokongan logistik dan moral, jasa kalian amatlah dihargai.

Akhir kata, semoga Pentaksiran Intervensi Masyhur ini mampu menjadi alat yang efektif dalam meningkatkan kualiti pendidikan melalui pentaksiran yang berstruktur dan komprehensif, serta menyumbang kepada peningkatan prestasi kejayaan calon SPM.

Sekian, terima kasih.

*Mengakselerasi Pendidikan Madani*

**DR. HAJI MOHD ALFOUZII BIN NASIR**  
**TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN**

**ZAMANI BIN ABU HASHIM**  
PENYELARAS - SISC+ - PPD Jasin



**NIMARNI BINTI BAHROM**  
KETUA PANEL - SMK Dato' Abdul Rahman Ya'kub



**FARIDAH BINTI RASDIN**  
SM Arab Assaiyyidah Khadijah



**MUHAJARELANI BINTI MOHAMAD**  
SMKA Tun Perak



**ANUAR BIN MAT**  
SMK Seri Bemban



**MUHAMAD HARIS BIN SAWALLUDIN**  
SMK Sungai Rambai



**NURULADHA BINTI ABU TALIP**  
SMK Dato' Abdul Rahman Ya'kub



**DR ZARINA BEGAM BINTI ABDUL KADIR**  
MRSM Tun Ghafar Baba



**HAZLINA BINTI MOHD SANITU**  
SMK Tan Sri Haji Abdul Aziz Tapa



**MOHD RADZI BIN ABDUL KASSIM**  
MRSM Tun Ghafar Baba



**MASLIZA BINTI ISMAIL**  
SMK Datuk Bendahara



**NORHAFIZAH BINTI MAHADI**  
SMK Seri Mahkota



**PROGRAM PENTAKSIRAN INTERVENSI MASYHUR BAGI TAHUN 2024**  
**MATA PELAJARAN SEJARAH SPM @GS PPD JASIN, MELAKA**

**ISI KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	FORMAT INSTRUMEN PENTAKSIRAN SPM MULAI TAHUN 2021 BAGI MATA PELAJARAN SEJARAH	2
<b>2</b>	KERTAS 1 SET 1	3 - 16
<b>3</b>	KERTAS 2 SET 1	17 - 26
<b>4</b>	KERTAS 1 SET 2	27 - 38
<b>5</b>	KERTAS 2 SET 2	39 - 48
<b>6</b>	PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 SET 1	49 - 50
<b>7</b>	PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 SET 1	51 - 68
<b>8</b>	PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 SET 2	69 - 70
<b>9</b>	PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 SET 2	71 - 87

**FORMAT INSTRUMEN PENTAKSIRAN SPM MULAI TAHUN 2021 BAGI MATA  
PELAJARAN SEJARAH**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KERTAS 1 (1249/1)</b>	<b>KERTAS 2 (1249/2)</b>	
1	<b>Jenis Instrumen</b>	Ujian Bertulis		
2	<b>Jenis Item</b>	Objektif Aneka Pilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subjektif Respons Terhad</li> <li>• Subjektif Respons Terbuka</li> </ul>	
3	<b>Bilangan Soalan</b>	40 soalan (Jawab <b>semua</b> soalan)	<p><b>Bahagian A</b> 4Soalan Respons Terhad (40 markah) (Jawab <b>semua</b> soalan)</p> <p><b>Bahagian B</b> 5soalan Respons Terbuka (60 markah) (Jawab <b>3</b> soalan)</p>	
4	<b>Jumlah Markah</b>	<b>40 markah</b>	<b>100 markah</b>	
5	<b>Konstruk</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingat</li> <li>• Memahami</li> <li>• Mengaplikasi</li> <li>• Menganalisis</li> <li>• Menilai</li> <li>• Mencipta</li> </ul>		
6	<b>Tempoh Ujian</b>	1 jam	2 Jam 30 minit	
7	<b>Cakupan Konteks</b>	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan 5)		
8	<b>Aras Kesukaran</b>	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2		
9	<b>Kaedah Penskoran</b>	Dikotomus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Analitik</li> <li>• Holistik</li> </ul>	

**SEJARAH**  
**Kertas 1**  
**1 jam**

**1249/1**  
**Satu jam**

Logo sekolah

Nama sekolah

---

---

**SEJARAH**

**Kertas 1**  
**SET 1**

Satu jam

**Nama:** \_\_\_\_\_ **Kelas:** \_\_\_\_\_

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*


- Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak
- 1 Lambang kebesaran merupakan simbol kedaulatan sultan yang memerintah.
- Apakah lambang kebesaran tersebut?
- I Tanah jajahan  
II Adat istiadat  
III Cap mohor  
IV Kerajaan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 2 Apakah kepentingan sistem Pembesar Berempat dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka?
- A Menguruskan kawasan pegangan  
B Meningkatkan taraf hidup rakyat  
C Menyekat kemasukan orang asing  
D Mengelakkan warisan adat tradisional
- 3 Maklumat di bawah merupakan karya John Locke, seorang ahli Falsafah Inggeris.

Two Treatises of Government

Karya tersebut menekankan prinsip pemerintahan

- A Demokrasi berparlimen  
B Raja berpelembagaan  
C Raja berkuasa mutlak  
D Republik

4 Apakah sumbangan tokoh nasionalis berikut terhadap Vietnam?



Ho Chi Minh

- A Menubuhkan Persatuan Belia Buddha
- B Melancarkan Gerakan Propaganda
- C Mengisyiharkan kemerdekaan
- D Memenangi pilihan raya

5 Penuhan Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM) penting kerana menggalakkan ahli untuk bersatu dan bertukar-tukar pendapat.

Bagaimanakah PASPAM dapat merealisasikan matlamat tersebut?

- A Melancarkan demokrasi
- B Menerbitkan akhbar dan majalah
- C Menubuhkan institut pendidikan
- D Mengajurkan persidangan dan kongres

6 Mengapa kesedaran nasionalisme dalam kalangan orang Melayu tidak berkembang sebelum Perang Dunia Kedua?

- A Kewujudan undang-undang
- B Kemunduran taraf hidup
- C Kemelesetan ekonomi dunia
- D Ketiadaan pemimpin tempatan

- 7 Sebab kekalahan tentera Jepun dalam Perang Dunia Kedua ialah
- A pemberontakan tentera
  - B pengeboman bom atom
  - C kekurangan bekalan makanan
  - D kehilangan sokongan penduduk
- 8 Apakah tujuan British memperkenalkan British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu?
- I Mengembalikan keamanan
  - II Menentang pendudukan Jepun
  - III Membanteras ancaman komunis
  - IV Memulihkan kepercayaan rakyat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.

<b>Tahun</b>	1 Februari 1948
<b>Peristiwa</b>	Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap perjuangan orang Melayu?

- A Berkuasa mengawal pentadbiran
- B Parti-parti politik digabungkan
- C Syarat kerakyatan dipermudah
- D Diiktiraf sebagai penduduk asal

- 10 Gambar berikut menunjukkan tindakan yang dilakukan oleh pengganas komunis di Tanah Melayu



Ladang getah dan rumah kediaman yang telah dibakar oleh komunis

Mengapa tindakan tersebut dilakukan?

- A Melumpuhkan ekonomi
- B Menentang amalan buruh paksa
- C Memiliki negara sektor perusahaan
- D Memulihkan kestabilan dan keamanan

- 11 Apakah peranan Pasukan Senoi Praaq (Urang Perang) dalam usaha menangani ancaman komunis?

- A Memusnahkan kubu
- B Mengawal kampung dan pekan
- C Mengesan tempat persembunyian
- D Melindungi kawasan perlombongan

- 12 Gambar berikut adalah tokoh yang telah menubuhkan Independence of Malayan Party(IMP) pada tahun 1950-an.



Dato Onn Jaafar

Mengapa beliau menubuhkan parti tersebut?

- A Menyekat pengaruh komunis
- B Mewujudkan perpaduan kaum
- C Mempertahankan hak peribumi
- D Mengurangkan pengaruh golongan radikal

- 13 Bagaimanakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) dapat meningkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu?
- A Mengadakan pilihan raya
  - B Menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan
  - C Memperakui kedudukan istimewa orang Melayu
  - D Menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa
- 14 Pada tahun 1954, Parti Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi dalam pilihan raya peringkat negeri.
- Apakah faktor yang membawa kemenangan tersebut?
- A Kerjasama antara kaum
  - B Strategi kempen berkesan
  - C Sokongan Raja-raja Melayu
  - D Kebijaksanaan kepimpinan

15 Apakah syarat yang diperlukan untuk menjadi calon Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955?

- I Wang mencukupi untuk berkempen
  - II Pengetahuan Bahasa Melayu
  - III Berumur 21 tahun ke atas
  - IV Mampu menyediakan manifesto
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

16 Pihak berikut terlibat dalam rundingan kemerdekaan di London pada tahun 1956.

- Wakil Raja-Raja Melayu
- Pihak British
- X

Apakah X?

- A Wakil Parti Buruh  
B Wakil Parti Negara  
C Wakil Parti Rakyat  
D Wakil Parti Perikatan

17 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada 8 Mac 1956 bertujuan untuk

- A merangka perlembagaan  
B mengadakan pilihanraya  
C membuat pungutan suara  
D Pengumuman tarikh kemerdekaan

18 Pernyataan berikut ialah persediaan bagi sambutan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957

Seramai 300 orang pegawai kerajaan diberikan kursus khas berkaitan protokol.

Apakah tugas pegawai tersebut?

- A Menjadi pengacara majlis
- B Memasang bendera di ibu kota
- C Memastikan keselamatan jalan raya
- D Mengiringi pegawai dari luar negara

19 Apakah tujuan pelaksanaan Rancangan Malaya Pertama (1956-1960)?

- A Mengalakkan industri berat
- B Membekalkan kemudahan asas
- C Membuka kawasan perindustrian
- D Mempelbagaikan keluaran pertanian

20 Apakah yang diberi penekanan dalam Penyata Rahman Talib 1960?

- A Pendidikan percuma
- B Penggunaan bahasa pengantar
- C Kurikulum sekolah yang seragam
- D Kemudahan pendidikan untuk guru

21 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri negara yang berdaulat?

- I Mempunyai pembesar
  - II Mempunyai sempadan
  - III Mempunyai pemerintahan
  - IV Mempunyai jajahan takluk
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 22 Sebelum kedatangan kuasa Barat, undang-undang dan adat Melayu penting untuk
- A mengiktiraf kedudukan
  - B mengelak campur tangan
  - C merancang pembangunan negeri
  - D menjadi panduan pemerintah

23 Maklumat berikut berkaitan undang-undang di Negeri-Negeri Selat.

- Charter of Justice I – 1807
- Charter of Justice II – 1826
- Charter of Justice III - 1855

Apakah matlamat pelaksanaan undang-undang tersebut ?

- A Melindungi penduduk asal
- B Mengawal harga barang
- C Meminda akta baharu
- D Meluaskan pengaruh

24 Perlembagaan Persekutuan telah dipinda pada tahun 1963.

Apakah manfaat yang diperoleh penduduk negeri Sarawak dan Sabah selepas pindaan tersebut?

- A Pelantikan Yang di-Pertuan Agong
- B Pembahagian tugas-tugas eksekutif
- C Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo
- D Pemberian hak wilayah asingan sempadan

25 Mengapa Raja-raja Melayu kehilangan kuasa sebagai pemerintah negeri semasa pentadbiran Malayan Union?

- A Kuasa diambil oleh Raja England
- B Pepecahan kalangan Raja-raja Melayu
- C Kegagalan diplomasi Raja-raja Melayu
- D Pelantikan Gabenor oleh kerajaan British

- 26 Apakah yang perlu dilakukan oleh seseorang ahli Jemaah Menteri yang tidak bersetuju dengan dasar kerajaan?
- A membuat usul undi tidak percaya  
B membawa perkara ke mahkamah  
C memohon pembubaran kabinet  
D meletakkan jawatan
- 27 Bagaimakah Sistem Raja Berpelembagaan mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan negara?
- A Berkuasa mutlak  
B Bersifat berkecuali  
C Mempengaruhi parti politik  
D Menggubal undang-undang

Tahun	Peristiwa
12 Februari 2013	Pencerobohan pengganas di Lahad Datu, Sabah.

- 28 Apakah tindakan yang dilakukan oleh kerajaan bagi menangani peristiwa tersebut?
- A Menubuhkan ESSCOM  
B Menubuhkan RASCOM  
C Mewujudkan KESEDAR  
D Mewujudkan KETENGAH

29 Pegawai British berikut mencadangkan idea pembentukan Malaysia.

- Lord Brassey
- Malcolm MacDonald
- Geofroy Tory

Mengapakah mereka mencadangkan pembentukan Malaysia?

- I Meredakan tekanan
- II Memperkuuh kuasa
- III Memanfaatkan potensi ekonomi
- IV Memperkasa keselamatan wilayah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Apakah cabaran dalaman yang dihadapi oleh negara selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963?

- A Kekurangan hasil pendapatan
- B Mengukuhkan perpaduan kaum
- C Ketiadaan pemimpin berwibawa
- D Menyeragamkan pentadbiran negeri

31 Apakah faktor tercetusnya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?

- A Ketidakseimbangan dalam ekonomi
- B Penyelewengan dalam pilihan raya
- C Pergaduhan antara kongsi gelap
- D Kebanjiran pendatang asing

- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pendidikan semasa zaman penjajahan British di Tanah Melayu.

Wujud sekolah vernakular yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar

Apakah kesan daripada sistem pendidikan tersebut?

- A Mewujudkan jurang pemikiran kaum
- B Mewujudkan sikap setia kepada negara
- C Mewujudkan masyarakat bersatu padu
- D Mewujudkan masyarakat yang berilmu

- 33 Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilaksanakan oleh kerajaan bermula tahun 1970 sehingga 1990.

Apakah matlamat dasar tersebut?

- A Memajukan ekonomi negara
- B Memupuk identiti kebangsaan
- C Membangunkan perindustrian negara
- D Memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi

- 34 Apakah dasar luar negara ketika zaman pentadbiran Tun Abdul Razak Hussein?

- A Pro barat
- B Anti komunis
- C Tidak memihak
- D Pandang ke timur

- 35 Pilih pasangan yang **betul** berkaitan bidang agensi di bawah PBB

Agensi		Bidang
A	UNESCO	Pengeluaran makanan
	UNHCR	Pelarian
	FAO	Kesihatan dan perubatan
	WHO	Pendidikan, sains dan kebudayaan

- 36 Malaysia telah menyertai Rancangan Colombo di bawah Komanwel sejak tahun 1951.

Mengapa rancangan tersebut diperkenalkan?

- A Mengukuhkan kerjasama pertahanan
- B Memastikan keamanan terpelihara
- C Menangani masalah kemiskinan
- D Menggalakan perpaduan

- 37 Pemerdagangan manusia merupakan jenayah terancang.

Mengapa Malaysia menjadi lokasi transit bagi jenayah tersebut?

- A Kedudukan yang strategik
- B Kemajuan sektor pelancongan
- C Kemakmuran ekonomi negara
- D Kemudahan sistem perhubungan

- 38 Perjanjian berikut dimeterai dalam kalangan negara Asean.

ASEAN Free Trade Area (AFTA)	
---------------------------------	--

Apakah matlamat perjanjian tersebut?

- A Mengawal harga barang
- B Mengurangkan tarif cukai
- C Mewartakan zon perdagangan
- D Menyedian kemudahan pinjaman

- 39 Gambar berikut merupakan anugerah yang diwujudkan di negara kita.



Apakah isu yang dikaitkan dengan gambar tersebut ?

- A Kelestarian alam sekitar
- B Penjagaan kesihatan awam
- C Pemuliharaan sungai-sungai
- D Penyelidikan benua Antartika

- 40 Apakah implikasi kedatangan pendatang asing tanpa (PATI) ke negara kita?
- A Memajukan ekonomi
  - B Memupuk perpaduan serumpun
  - C Mengancam keselamatan negara
  - D Mengurangkan produktiviti negara

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

Logo  
sekolah

Nama sekolah

---

---

**SEJARAH**  
**Kertas 2**  
**SET 1**  
Dua jam tiga puluh minit

**Nama:** \_\_\_\_\_ **Kelas:** \_\_\_\_\_

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan pada bahagian A dan tiga soalan sahaja daripada bahagian B.*
3. *Markah yang diperuntukkan pada setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

Untuk kegunaan pemeriksa			
Nama pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah diperoleh
<b>A</b>	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
<b>B</b>	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>	

---


Kertas peperiksaan ini mengandungi 9 halaman bercetak

## Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan*

- 1 Rajah berikut berkaitan dengan undang-undang yang dilaksanakan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.



- (a) Nyatakan **dua** fasal yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (b) Jelaskan kandungan yang terdapat dalam kedua-dua undang-undang di atas.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (c) Maklumat berikut merujuk kepada prinsip keempat Rukun Negara.

### Kedaulatan Undang-undang

Mengapakah pengamalan prinsip tersebut penting kepada rakyat sesebuah negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**2** Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada kerajaan British pada 26 Jun 1946.

(a) Nyatakan faktor penyerahan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(b) Mengapakah penyerahan tersebut tidak mendapat sebarang bantahan daripada penduduk tempatan?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(c) Keberanian merupakan kunci kejayaan dalam perjuangan.  
Berikan ulasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**3** Perlumbaan merupakan dokumen undang-undang bertulis yang menjadi teras kepada sistem pemerintahan negara.

(a) Nyatakan dua undang-undang bertulis yang terdapat di negeri-negeri Melayu.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Terangkan ciri moden dalam Perlumbaan Persekutuan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Jelaskan kesan sekiranya rakyat tidak patuh undang-undang.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

4 Peristiwa berdarah rusuhan kaum paling dahsyat di negara ini pada 13 Mei 1969, perlu menjadi pengajaran betapa pentingnya masyarakat berbilang kaum di negara ini untuk terus bersatu padu dan hidup dalam harmoni.

<https://www.sinarharian.com.my>

- (a) Mengapakah tercetusnya peristiwa tersebut?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (b) Jelaskan peranan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dalam menangani peristiwa ini.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (c) Keharmonian dalam hubungan masyarakat akan hanya dapat diwujudkan jika setiap individu mempunyai pemahaman baik terhadap peranan masing-masing untuk menerapkan nilai murni dalam interaksi sehari-hari.

Sumber: Diubah suai daripada Berita Harian, 31 Januari 2020

Ulaskan pernyataan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

## Bahagian B

[ 60 markah ]

Jawab **tiga** soalan sahaja daripada bahagian ini.

- 5 (a) Jelaskan maksud nasionalisme [4 markah]

- (b) Huraikan latar belakang kesedaran nasionalisme di negara kita. [8 markah]

- (c) Baca petikan berikut

Nilai patriotisme yang menjadi sebahagian daripada nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin, akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhhlak mulia. Oleh itu, adalah sangat wajar bagi generasi muda khususnya menjadikan nilai patriotisme sebagai amalan atau pegangan serta disemai dalam jiwa segenap lapisan masyarakat Malaysia demi kelangsungan negara dalam menghadapi era pasca modenisme dan dikenali sebagai masyarakat majmuk. Patriotisme juga membayangkan bahawa seseorang wajar mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan diri dan kelompoknya. Ketika perperangan, mungkin nyawa diri yang perlu dikorbankan. Gugur dalam pertempuran demi tanah air adalah contoh tipikal bagi patriotisme yang aulia atau ekstrem.

Sumber diubahsuai: <https://www.bharian.com.my/>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan sekiranya rakyat tidak memiliki nilai tersebut. [8 markah]

- 6 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada tahun 1949.

- (a) Mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan? [4 markah]

- (b) Bagaimanakah jawatankuasa tersebut berperanan menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan antara kaum. [8 markah]

(c) Teliti petikan berikut.

Malaysia adalah sebuah negara yang aman kerana rakyatnya bersatu padu. Realitinya, ungkapan ini tercemar dan meleset lantaran tercetusnya tragedi 13 Mei 1969 hingga membawa perisytiharan darurat. Ekoran itu, kerajaan terpaksa merangka pelbagai dasar dan meminda beberapa perkara Perlembagaan Persekutuan untuk memulih kembali hubungan baik antara kaum dan m e m e l i h a r a k e t e n t e r a m a n a w a m . Bahkan, tragedi hitam ini membuatkan kerajaan semakin prihatin dan cakna setiap masalah perpaduan rakyat. Walaupun wujud beberapa insiden ‘usik-mengusik nakal’ antara kaum, ia dapat diselesaikan dengan baik dan terkawal. Setiap kejadian yang berlaku bukan sahaja ditangani dengan berhemah malah berjaya menghalang orang lain yang tidak berdosa daripada terlibat sama. Justeru, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sehingga kini, Malaysia boleh dianggap berjaya mengurus pelbagai etniknya dengan baik.

Sumber diubahsuai: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia> 23 Januari 2020

Berdasarkan petikan tersebut, ulaskan kepentingan hubungan baik antara kaum.

[8 markah]

7 Antara amalan demokrasi berparlimen di negara kita ialah pilihan raya dan kebebasan asasi.

(a) Jelaskan amalan pilihan raya di negara kita. [6 markah]

(b) Huraikan hak kebebasan asasi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

[6 markah]

(c) Baca dan teliti petikan berikut

Di Malaysia, kebebasan bersuara terkandung dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang jelas menyatakan bahawa kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan merupakan kebebasan asasi yang diberikan kepada warganegara.

Namun, harus difahami bahawa kebebasan bersuara atau apa-apa jua kebebasan yang diberikan Perlembagaan Persekutuan mempunyai had-had, kawalan dan sempadan yang tertentu.

Perkara 10 ini yang dicadang untuk dipindah dengan memasukkan Fasal 3A selepas Fasal 3 yang berhubung dengan keahlian dalam parti politik ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Jika kita menilai dari sudut kehidupan dunia ini pun kita akan akur bahawa tiada satu perkara pun yang bersifat mutlak.

Justeru, dalam konteks kehidupan bermasyarakat dan bernegara, undang-undang yang ada turut mempunyai peruntukan yang mengawal kebebasan rakyat supaya kehidupan bermasyarakat tidak menjadi huru-hara. Kawalan yang dilaksanakan bertujuan menjamin kerukunan, keharmonian dan solidariti serta keselamatan negara supaya tidak diganggu-gugat oleh anasir-anasir perosak atau subversif.

Oleh itu, untuk memastikan ada kawalan terhadap perkara tersebut maka dibawah Perkara 10(2) Perlembagaan Malaysia diperuntukkan bahawa Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan apa-apa sekatan yang perlu dan mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.

Sumber :

<https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2022/04/kebebasan-bersuara-ada-batas> [8 markah]

Ulasan petikan tersebut

8 Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, negara menghadapi pelbagai cabaran di Sarawak dan Sabah.

(a) Huraikan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dari aspek berikut:

- |       |                                                   |            |
|-------|---------------------------------------------------|------------|
| (i)   | Pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah | [4 markah] |
| (ii)  | Politik di Sarawak                                | [4 markah] |
| (iii) | Perpaduan kaum                                    | [4 markah] |

(b) Teliti infografik berikut.



Sumber diubahsuai: <https://www.harianmetro.com.my>

Beri ulasan berdasarkan infografik tersebut.

[8 markah]

**9** Malaysia merupakan sebuah negara yang giat dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa.

(a) Terangkan pelibatan Malaysia dalam pertubuhan berikut.:

- |       |                                            |            |
|-------|--------------------------------------------|------------|
| (i)   | Komanwel                                   | [4 markah] |
| (ii)  | ASEAN                                      | [4 markah] |
| (iii) | Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM) | [4 markah] |

(b) Infografik berikut berkaitan Kerangka Dasar Luar yang pernah dilaksanakan oleh kerajaan.



Sumber:<https://www.sinarharian.com.my>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam infografik tersebut dan kesan kepada negara jika ia berjaya dilaksanakan.

[8 markah]

### **KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**SEJARAH**

**1249/1**

**Kertas 1**

**1 jam**

**Satu jam**

Logo sekolah

Nama sekolah

---

---

**SEJARAH**  
**Kertas 1**  
**SET 2**

Satu jam

**Nama:** \_\_\_\_\_

**Kelas:** \_\_\_\_\_

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak

- 1 Bagaimanakah Kesultanan Johor - Riau memperkuuh ciri-ciri negara bangsa selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka?
- A Menyekat kemasukan Barat  
B Melaksanakan protokol istana  
C Menekankan kepentingan Islam  
D Merangka undang-undang baharu
- 2 Gambar berikut merupakan lambang kebesaran Kesultanan Melayu Melaka.



Cop mohor

Apakah kepentingan lambang kebesaran tersebut?

- A Menentukan status kerajaan  
B Meluaskan empayar kerajaan  
C Memperkuuh ketaatan rakyat  
D Mengesahkan arahan sultan
- 3 Waadat penting pada zaman Kesultanan Melayu Melaka untuk
- A mengawal kuasa pembesar  
B mengukuhkan pemerintahan  
C mewujudkan perpaduan rakyat  
D memantapkan sistem pertahanan
- 4 Maklumat berikut berkaitan gerakan nasionalisme yang tercetus di China.

Rakyat menentang pemerintahan Dinasti Manchu

Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

- A Perkembangan pengaruh komunisme  
B Menentang golongan Mandarin  
C Dasar pemerintah yang kejam  
D Kemasukan pengaruh Barat

- 5 Revolusi Thai telah tercetus di Thailand pada tahun 1932.  
Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap Thailand?
- A Pemerintahan raja berkuasa mutlak berakhir  
B Kedudukan bangsawan kukuh  
C Sistem republik dilaksanakan  
D Kemerdekaan diiktiraf
- 6 Kesatuan Melayu Singapura merupakan persatuan awal yang muncul pada tahun 1926 di Tanah Melayu.  
Apakah matlamat kesatuan tersebut?
- I Mempertahankan hak keistimewaan raja-raja  
II Memperjuangkan kepentingkan pengajian tinggi  
III Menggalakkan pelibatan ahli dalam pentadbiran  
IV Menggerakkan kegiatan bertukar-tukar pendapat
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 7 Perang Dunia pertama telah berlaku dari tahun 1914 sehingga 1918.  
Mengapa perang tersebut berlaku?
- A Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa  
B Sekatan ekonomi terhadap Jepun  
C Penaklukan Jerman ke atas Rhineland  
D Pembunuhan pewaris takhta Austria-Hungary
- 8 Perjanjian Versailles telah ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman pada 28 Jun 1919.  
Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap Jerman?
- A Kemunculan nasionalis baharu  
B Kuasa raja semakin kukuh  
C Kehilangan tanah jajahan  
D Dijajah oleh negara lain

- 9 Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah menyebabkan berlakunya kemelesetan ekonomi.

Bagaimanakah Jepun mengatasi masalah tersebut?

- I Menubuhkan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan
  - II Melaksanakan Rancangan Pengeluaran Lima Tahun
  - III Membina Institut Latihan Pemimpin Pemimpin Muda
  - IV Memperkenal Rancangan Kemakmuran Bersama Asia Timur
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 10 Pegawai British berikut berjaya mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union.



Sir Harold Mac Michael

Mengapakah orang Melayu membantah tindakan pegawai tersebut?

- A Menentang Kongres Melayu
  - B Memperkenalkan kerakyatan jus soli
  - C Menolak hak istimewa orang Melayu
  - D Mendapatkan persetujuan secara paksa
- 11 Perkara yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah
- A syarat kewarganegaraan
  - B kemerdekaan tanah air
  - C pendidikan vernakular
  - D pilihanraya umum

- 12 Parti Komunis Malaya (PKM) telah ditubuhkan secara rasmi pada 30 April 1930 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.  
Apakah matlamat perjuangan parti tersebut?
- A Mengusir penjajah  
B Menyatukan semua kaum  
C Menentang konsep Melayu Raya  
D Menubuhkan sebuah negara republik
- 13 Maklumat berikut berkaitan usaha kerajaan ketika zaman darurat di Tanah Melayu pada tahun 1948.

**Rancangan Briggs**

- Mengapakah rancangan tersebut dilaksanakan?
- A Mendapat sokongan penduduk  
B Melemahkan pergerakan komunis  
C Mendapatkan maklumat risikan  
D Memberi latihan gerila
- 14 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) telah ditubuhkan pada tahun 1949. Apakah matlamat penubuhan jawatankuasa tersebut?
- A Meningkatkan perpaduan  
B Mempercepatkan kemerdekaan  
C Mengkaji hubungan antara kaum  
D Menggantikan pentadbiran British
- 15 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan Sistem Ahli?
- I Merangka perlombagaan  
II Memegang satu portfolio  
III Mencadangkan undang-undang  
IV Memantau proses pilihanraya
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

16 Maklumat berikut berkaitan pilihanraya di Tanah Melayu.

- Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan
- Pilihanraya Negeri
- **X**

**X** merujuk kepada pilihanraya

- A** mukim
- B** wilayah
- C** kampung
- D** perbandaran

17 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955 berperanan untuk

- I mengurangkan kuasa pentadbiran British
  - II memelihara hubungan harmoni antara kaum
  - III membincangkan isu perhubungan luar negeri
  - IV membatalkan kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

18 Maklumat berikut berkaitan peristiwa bersejarah yang berlaku pada 20 Februari 1956 di negara kita.



Banda Hilir, Melaka

Apakah peristiwa tersebut?

- A** Pengumuman tarikh kemerdekaan
- B** Pelaksanaan kempen pilihan raya
- C** Penggabungan parti politik
- D** Penamatan zaman darurat

- 19 Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid) telah ditubuhkan pada 8 Mac 1956.

Apakah tugas suruhanjaya tersebut?

- A** Menentukan sempadan negeri
- B** Menggubal syarat kerakyatan
- C** Merangka perlembagaan negara
- D** Mencadangkan tarikh pilihanraya

- 20 Senarai berikut berkaitan lambang-lambang negara kita.

- Jata Negara
- Lagu Kebangsaan
- Bunga Kebangsaan
- Bendera Kebangsaan

Apakah kepentingan lambang-lambang tersebut?

- A** Mempamerkan semangat perpaduan
- B** Menzahirkan ideologi negara
- C** Mempamerkan kemasyuran
- D** Menunjukkan ketulusan

- 21 Apakah ciri negara yang berdaulat?

- I Kerajaan yang sistematik
  - II Sempadan yang jelas
  - III Rakyat berbilang kaum
  - IV Mendapat naungan kerajaan asing
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

- 22 Perlembagaan penting kepada sesebuah negara kerana

- A** Mengelakkan kuasa mutlak raja-raja
- B** Menetapkan halatuju pemerintahan
- C** Memberi kebebasan penuh kepada rakyat
- D** Mengelakkan kuasa penuh kerajaan negeri

- 23 Pilih pasangan yang tepat berkaitan badan penggubal undang-undang di negeri-negeri Melayu pada tahun 1946.

Negeri	
Negeri-Negeri Selat	Majlis Undangan Negeri
Negeri-Negeri Melayu Bersekutu	Majlis Negeri
Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu	Majlis Persekutuan
Sabah dan Sarawak	Majlis Tertinggi

- 24 Antara berikut, yang manakah berkaitan ciri-ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia?

- I Agama Islam
- II Bahasa Melayu
- III Kewarganegaraan
- IV Kerajaan Persekutuan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 25 Bagaimanakah kedudukan Raja-raja Melayu ketika pendudukan Jepun?

- A Menjadi ketua agama Islam
- B Menggubal undang-undang
- C Memberi nasihat ketenteraan
- D Membantu pentadbiran Residen

- 26 Berdasarkan perlembagaan, Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa untuk

- A mengistiharkan darurat
- B melantik duta-duta negara
- C melantik jawatan ketua kerajaan
- D memperkenan perubahan sempadan negeri

27 Maklumat berikut berkaitan komponen Parlimen Malaysia.

- Yang di-Pertuan Agong
- **X**
- Dewan Rakyat

Apakah **X**?

- A** Jemaah Menteri
- B** Dewan Negara
- C** Badan Kehakiman
- D** Raja-Raja Melayu

28 Senarai berikut adalah kerajaan tempatan di negara kita.

- Majlis Bandaraya
- Majlis Perbandaran
- Majlis Daerah

Apakah fungsi kerajaan tempatan tersebut?

